

Tingkat usaha cungkil karateka berbakat: Hafez

OLEH ROZZALIN HASHIM
rozzalin@newsabahtimes.com.my

SANDAKAN: Usaha mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan karate perlu dilipatgandakan kerana negeri ini pernah melahirkan ramai atlet sekali gus mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Negeri Sabah, Yamani Hafez Datuk Seri Musa, berkata kegemilangan negeri sehingga mampu menguasainya suatu ketika dahulu pasti berulang asalkan usaha dipergiat dengan memperbanyakkan penganjuran melibatkan sukan tersebut.

Namun begitu, beliau percaya atlet-atlet sukan karate tentu akan ada lagi yang boleh ditonjolkan kerana sokongan padu semua pihak khususnya daripada Persatuan Karate

Sabah (SKA) yang sudah menggariskan perancangan dan matlamat jangka panjang.

"Saya yakin dan percaya usaha bersepadu yang seringkali dibuat badan-badan sukan karate akan membantu melahirkan lebih ramai atlet lelaki dan wanita dalam sukan karate ini.

"Sebagai contohnya, penganjuran kejohanan kali ini di mana Sandakan sebagai tuan rumah merupakan platform terbaik untuk mencungkil bakat-bakat baru.

"Yang saya teruja adalah semangat kesukanan di kalangan para atlet tinggi sekali. Sekali pun ada yang datang dari jauh, tetapi semangat mereka membuatkan pengalaman semakin bertambah.

"Ini boleh menjadi pemangkin untuk para remaja dan belia yang mengambil bahagian dalam kejohanan ini muncul antara atlet karate terunggul berdasarkan semangat jitu

selain kesungguhan untuk menguasai sukan beladiri itu," katanya.

Hafez berkata demikian ketika berucap menutup Kejohanan Karate Sandakan Senior Terbuka 2015 petang Ahad lepas, sempena Kejohanan Karate Kadet Remaja dan Di Bawah 21 Tahun Peringkat Negeri Sabah Ke-14 yang berlangsung selama tiga hari di Dewan Masyarakat dekat sini.

Hadir sama Jawatankuasa Induk selaku Pengerusi SKA Daerah Sandakan, Datuk John Lim Shua Ket; Ketua Pemuda MIC Negeri, Taren Sunil; Ketua Pemuda Umno Sandakan, Fakarudin @ Carl Tan Sri Haji Ampong; Ketua Pemuda Umno Beluran, Samad Jamri dan Ketua-ketua Pemuda Komponen Barisan Nasional (BN) Zon 5.

Mengulas lanjut, Hafez selaku Ketua Pemuda BN Negeri menggalakkan aktiviti sukan yang melibatkan seni memperta-

hankan diri perlu diperluaskan sebagai satu usaha mendapatkan lebih ramai belia berbakat.

Ini katanya, selain menyerapkan mereka ke kejohanan-kejohanan besar di peringkat tertinggi namun manfaatnya membantu meningkatkan jati diri setiap individu sekali gus menjurus ke arah amalan gaya hidup sihat.

PDRM dinobatkan juara keseluruhan kejohanan tersebut setelah meraih enam pingat emas, lima perak dan empat gangsa, diikuti Sandakan selaku naib juara dengan dua emas, satu perak dan empat gangsa manakala Kota Kinabalu terpaksa berpuas hati di tempat ketiga dengan kutipan satu emas dan satu perak.

Pasukan lain yang turut mengutip pingat ialah Menggatal dengan satu perak dan satu gangsa, Lahad Datu dengan tiga gangsa dan UMS dengan dua gangsa.



TERIMA KASIH...Hafez (tengah) menerima cenderahati kenangan disampaikan John sambil disaksikan Ketua-ketua Pemuda BN dari Zon 5 Sandakan.



SUNIL menyampaikan hadiah kepada salah seorang atlet karate yang menjuarai kategorinya.



BERUCAP...Hafez semasa menyampaikan ucapan penutupan sempena kejohanan tersebut.



KUMITE ...antara pertarungan akhir yang menarik iaitu kata kumite perseorangan perempuan.



FAKARUDIN yang diiringi salah seorang ahli jawatankuasa Pemuda Umno Sandakan, Haji Asheed Datu Gulam merakamkan kenangan mereka dengan pasukan yang memenangi salah satu kateori.



ALBUM KENANGAN...Hafez di samping Jawatankuasa Induk Kejohanan berkenaan merakamkan kenangan dengan salah satu pasukan yang dinobatkan sebagai johan.